

29.10.71.

Ucapan : 10110

476

95/80

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche
Hussein Onn di-upachara penyampaian hadiah
Sekolah Jalan Gurney (2), Kuala Lumpur
pada 29hb. Oktober, 1971 pukul 9.00 pagi.

Terlebeh dahulu saya menguchapkan terima kaseh
kapada Ahli2 Lembaga Pengurus, Guru Besar, Guru2 dan ibu
bapa serta murid2 sekalian kerana telah menjemput saya hadir
di-upachara penyampaian hadiah dan concert Sekolah Jalan
Gurney (2) pada pagi ini.

Saya di-fahamkan bahawa, sekolah ini telah siap
di-bena dalam tahun 1958 dengan 14 buah bilek darjah,
tetapi pada hari ini sekolah ini mempunyai 29 buah bilek
darjah dengan bilangan murid2 seramai lebeh kurang 1,300
orang, yang belajar di-sabelah pagi dan sabelah petang.
Saya sukachita mengetahui juga bahawa, murid2 sekolah ini,
bukan sahaja telah berjaya memasoki atau pun melanjutkan
pelajaran menengah mereka ka-Maktab2, seperti Maktab Melayu
Kuala Kangsar, Tengku Kurshiah Kolej, Negeri Sembilan, dan
lain2, malahan telah juga berjaya dalam bidang sukan dan
olahraga. Di-atas kechapaian yang baik ini, saya uchapkan

tahniah, dan kepada guru2 di-harap akan lebeh berusaha memimpin anak2 kita ini supaya menchapai kejayaan yang lebeh chemerlang pada tahun2 yang akan datang.

Pelajaran adalah satu pelaboran modal yang paling mustahak, untok membena sasuatu masharakat, dan kemudahan pelajaran menjadi jaminan untok kearah perubahan pemikiran, bentok dan masharakat kita, sama ada di-kampong mahu pun di-bandar. Oleh itu, segala jenis kemudahan pelajaran ini, yang di-hantar oleh Kementerian Pelajaran, bukan sahaja ka-sekolah2 di-bandar, malahan ka-sekolah2 di-luar bandar juga, sebagai satu alat dan pelaboran, untok perubahan nasib masharakat pada masa yang akan datang. Sukalah saya menegaskan di-sini bahawa, segala faedah dan kelengkapan yang di-bekalkan ini, akan hanya memberi kesan dan menchapai tujuan dan matlamat yang di-tujukan, sekira-nya terdapat kesedaran mahu maju, dan kita bukan sahaja mahu maju tetapi sanggup berkorban dan berikhtiar untok maju dengan tidak mengira kesukaran yang di-hadapi. Kita juga mestilah

mempunyai kesedaran bahawa, kita harus bertungkus-lumus untuk mengejar kemajuan yang meninggalkan kita sekian lama dan begitu jauh kabalakang.

Adalah di-tegaskan di-sini bahawa, pemberian sumbangan bersama dan pergandingan bahu bersama antara ibu2 bapa, guru2 dan Kerajaan, untuk memimpin anak2 kita kerana tugas untuk memajukan mereka, adalah tugas kita bersama. Perhatian bersama, supaya selepas Kerajaan mengadakan segala kemudahan2 mengajar di-sekolah2 itu, dan kita juga sebagai ibu2 bapa, hendaklah memberi pimpinan dan kerjasama dan segala pengorbanan demi kemajuan anak2 kita itu. Dengan berbuat demikian maka, kemudahan yang di-sediakan oleh Kerajaan, akan memberi kita dan menambah pandangan kepada anak2 kita, sama ada mereka belajar di-bandar mahu pun di-luar bandar. Suka saya tegaskan juga di-sini bahawa, Kementerian Pelajaran adalah mengambil perhatian yang berat untuk mengadakan segala kemudahan bagi sekolah2 kita di-luar bandar. Oleh kerana seperti yang saya sebutkan

tadi, ini merupakan satu pelaburan modal yang paling besar sekali dalam sabuah negara yang sedang membangun. Saya yakin dan perchaya, tanpa kemudahan ini, sudah barang tentu pelajaran anak2 kita akan terganggu, dan ini juga sabahagian besar-nya bergantung kepada inisiatif dan kegiatan guru2 mendidik serta mengasoh anak2 kita itu.

Dalam majlis yang meriah ini, saya merayu kepada ibu2 bapa agar memberikan kerjasama masing2 untok memimpin anak2 kita, sama ada mereka berada di-rumah atau pun di-sekolah, dan juga untok bekerjasama dengan guru2 dan ahli2 Lembaga Pengurus, supaya akan ada pertalian erat antara sekolah dengan ibu2 bapa, dan pada keselurohan-nya nanti, satu pergerakan bersama dapat di-hasilkan. Tanpa kerjasama ini, suka saya mengingatkan ibu2 bapa sekalian bahawa, kemajuan bersama anak2 kita, tidaklah bagitu cherah saperti yang kita hajatkan.

Tuan2 dan puan2 sekalian sedia maalum bahawa, di-sekolah2 rendah, penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, telah di-laksanakan sapenoh-nya mulai dari tahun

1970. Pada hari yang bahagia ini, suka saya mengumumkan bahawa, mulai dari tahun hadapan, mata2 pelajaran pendidekan jasmani, seni lukis dan pekerjaan tangan, dan juga tata raayat, akan di-ajar dalam Bahasa Malaysia di-Sekolah2 Menengah di-Tingkatan I. Di-samping itu, suka saya menyatakan bahawa, mata2 pelajaran seperti ilmu alam dan tawarikh, akan juga di-ajar dalam Bahasa Malaysia di-kelas2 Peralehan. Dengan ada-nya usaha ini maka, di-harap penggunaan Bahasa Malaysia di-Sekolah2 Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) akan dapat di-pesatkan lagi dan ini adalah mengikut sistem pelajaran yang kita jalankan hari ini.

taniah
Akhir kata, ~~sekali lagi~~ saya mengucapkan terima kaseh kepada semua pihak yang berkenaan di-sekolah ini, kerana telah berjaya dan berpadu-tenaga mengadakan upacara penyampaian hadiah dan concert pada pagi ini. Maka saya *dan* bagi pihak isteri saya ~~dan diri saya sendiri~~ sekali lagi *kerana jumpatan ini,* mengucapkan ribuan terima kaseh / dan berdo'a agar tiap2 orang murid di-sekolah ini, akan berjaya dalam peperiksaan yang bakal mereka / *akan* ambil pada tahun2 hadapan.

1970. Pada hari yang bahas ini, saya mengumumkan
 bahwa, mulai dari tahun hadapan, mata pelajaran pendidikan
 jasmani, seni lukis dan pekerjaan tangan, dan juga tata
 rias akan diajar dalam Bahasa Malaysia di-sekolah
Menengah di-Tingkatan I. Di-sampai ini, saya menyatakan
 bahwa, mata pelajaran seperti ilmu alam dan tawarikh,
 akan juga diajar dalam Bahasa Malaysia di-kelas Persekolahan.
 Dengan ada-nya usaha ini maka, di-harap penggunaan Bahasa
 Malaysia di-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris)
 akan dapat di-pastikan lagi dan ini adalah mengikut
 sistem pelajaran yang kita jalankan hari ini.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima
 kasih kepada semua pihak yang berkepentingan di-sekolah
 kerana telah berjaya dan berpadu dalam menubuhkan pejabat
 penyampian hadiah dan concert pada hari ini. Saya
 bagi pihak isteri saya dan diri saya sendiri lagi
 mengucapkan ribuan terima kasih dan berdo'a agar tiap



orang murid di-sekolah ini, akan berjaya dalam peperiksaan
 yang bakal mereka ambil pada tahun hadapan.

No. Siri	78
No. Penerimaan	78/80